

## PENGANTARABANGSAAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA MELALUI PENGALAMAN ALUMNI INDONESIA DENGAN ALMA MATER

(*Internationalisation of Malaysia Higher Education Through Experience of Indonesian Alumni with Alma Mater*)

Nur Amalina Mohd Rashid, Chang Peng Kee, Sabariah Mohamed Salleh

### ABSTRAK

Pembangunan negara bukan sahaja dinilai daripada kepesatan ekonomi, tetapi juga dapat diukur melalui perkembangan pendidikan sesebuah negara tersebut. Ilmu pengetahuan dan sumber asli juga mampu membantu negara dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Oleh itu, usaha-usaha bagi mengantarabangsakan pengajian tinggi negara mula diberikan penekanan yang intensif melalui Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2. Salah satu perancangan strategik bagi mengantarabangsakan pengajian tinggi negara adalah melalui hubungan alumni. Oleh itu, kertas ini akan membincangkan kelestarian hubungan alumni yang mampu bertindak sebagai agen atau duta kepada kementerian dalam menyebarkan maklumat dan membantu mempromosikan Institusi Pengajian Tinggi tempatan. Aspek perhubungan alumni yang dikaji adalah berdasarkan kepada dua tema utama iaitu pengantarabangsaan pengajian tinggi negara dan hubungan alumni dan *alma mater*. Hubungan alumni dan alma mater dibahagikan kepada sub-tema berdasarkan kepada konsep hubungan organisasi dan publik yang diperkenalkan oleh Hon dan Grunig (1999). Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan temubual mendalam bersama ahli yang memegang jawatan berbeza di dalam Persatuan Pelajar Indonesia. Dapatkan kajian menunjukkan kualiti perhubungan yang positif dapat melahirkan pengalaman yang baik kepada alumni sepanjang pengajian mereka dan membentuk jenis hubungan komunal kepada alumni dan alma mater.

**Kata Kunci:** Pengantarabangsaan, Hubungan, Alumni, Alma Mater, Pengajian Tinggi, Konsep Hubungan Organisasi dan publik.

### ABSTRACT

Nowadays, a country's development is not only measured based on the success of the economic sector, but also from the country's educational development. The academic industry makes significant contribution to the country and is able to assist it in generating rapid economic growth and aside from merely relying on natural resources. Therefore, efforts for internationalization of higher education has been emphasized through National Higher Education Strategic Plan (PSPTN 2). One of the strategies in internationalization of higher education is through alumni relations. Hence, this paper will assess how alumni relations can help the ministry in spreading information and promote local higher learning institutions. Two major themes analyzed within the aspect of alumni relations are internationalization of higher education and alumni relations with alma mater. Alumni relations and alma mater is derived from the concept of organization of public relations by Hon and Grunig (1999). Methodology utilized are qualitative in nature. In depth interview were conducted with members of the Association of Indonesian Students. The findings indicated that positive

relationship between students and university create remarkable experience to alumni throughout their studies and formed a communal relationship

**Keywords:** Internationalization, Relationship, Alumni, Higher Education, Alma Mater, Relationships Between Organization and Public.

---

## PENGENALAN

Keupayaan dan reputasi sektor pengajian tinggi negara dari masa ke semasa telah membuktikan peningkatan sistem pendidikan tinggi, apabila berjaya menarik ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia. Perkembangan positif ini menunjukkan bahawa perlunya pengajian tinggi negara untuk terus memartabatkan pengajian tinggi ke mata dunia iaitu melalui pengantarabangsaan pengajian tinggi negara. Proses yang dinamik ini harus berterusan agar dapat menyumbangkan dan mengekalkan dimensi antarabangsa dalam pengajian tinggi.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui dasar proaktif telah berusaha untuk meluaskan akses pengajian tinggi negara bagi memenuhi piawaian antarabangsa dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelajar antarabangsa. Svensson dan Wilhborg (2010) melalui penulisan mereka berpendapat bahawa konsep pengantarabangsaan pengajian tinggi sebelum ini seringkali dikaitkan dengan konsep globalisasi yang berkait dengan politik, pasaran semasa berhubung aliran tenaga manusia, barang dan perkhidmatan.

Knight (1999), sarjana yang mengetengahkan konsep pengantarabangsaan pengajian tinggi berpendapat bahawa pengantarabangsaan pengajian tinggi sebagai proses mengintegrasikan dimensi antarabangsa dan juga budaya ke dalam Institusi Pengajian Tinggi meliputi fungsi universiti, pengajaran dan pembelajaran, dan penyelidikan. Perkaitan antara konsep ini dan jalinan hubungan alumni dan alma mater dapat membuka lembaran baru bagi definisi pengantarabangsaan pengajian tinggi yang mana merangkumi fungsi institusi pengajian. Kajian ini akan tertumpu kepada pengalaman alumni Indonesia di Malaysia. Negara rakan terpilih ini seperti yang telah digariskan di dalam PSPTN 2 mencatatkan enrolmen pelajar yang agak tinggi sejak 2010 dengan catatan seramai 9889 pelajar di Malaysia. Walaupun China dan Iran pada waktu itu menunjukkan jumlah enrolmen yang lebih tinggi berbanding Indonesia, namun Indonesia mempunyai lebih ramai golongan remaja, dimana pada masa akan datang, golongan remaja ini akan menyumbang kepada permintaan pendidikan tinggi. Pada waktu kini, Indonesia mempunyai 27.7% remaja yang berumur di antara 0-14 tahun (World Bank, 2014).

Penekanan kepada negara ini adalah berdasarkan kepada persempenaan dari segi sosioekonomi dan permintaan terhadap pendidikan tinggi, dimana keupayaan kewangan per kapita bagi Indonesia adalah kurang daripada USD 1,100 per kapita. Perkara ini seiring dengan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pelan Jangkauan Global Malaysia yang memfokuskan kepada negara-negara ini bagi menghulurkan bantuan untuk memajukan sistem pengajian mereka. Fokus pengantarabangsaan pengajian tinggi dan hubungan alumni akan dapat membantu perkembangan pengajian tinggi negara di persada antarabangsa.

## SOROTAN LITERATUR

### Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi

Perkembangan pendidikan di negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan Eropah telah membuatkan Malaysia berazam untuk setanding dengan negara-negara ini ke peringkat antarabangsa. Bolsmann dan Miller (2008) berpendapat bahawa pengantarabangsaan adalah peranan universiti yang diambil bagi menjangkau pasaran global contohnya seperti dasar dan program yang dilaksanakan. Namun, konsep pengantarabangsaan pengajian tinggi seringkali tercelaru dengan globalisasi. Knight (2006) mendefinisikan globalisasi sebagai satu proses atau perubahan masyarakat, budaya, idea, nilai, teknologi dan ekonomi melangkaui dunia tanpa sempadan atau tanpa batasan. Arus globalisasi ini meninggalkan kesan yang berbeza terhadap negara-negara tertentu mengikut sejarah, tradisi, budaya dan kepentingan negara. Bagi menjadi pelopor hab pengajian tinggi di rantau Asia, Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengenal pasti beberapa inisiatif ke arah pengantabangsaan pengajian tinggi negara. Perkara ini terbahagi kepada perubahan dalaman dan juga perubahan luaran. Perubahan-perubahan ini merangkumi kepada subjek-subjek antarabangsa yang terdapat didalam program, penggunaan bahasa dalam pengajaran dan pemindahan kredit antara negara, mobiliti pelajar antarabangsa, mobiliti kakitangan, kajian penyelidikan dan pembangunan, autonomi governans dan juga penglibatan sosial.

Usaha-usaha yang digerakkan oleh Kementerian kepada institusi pengajian tinggi dilihat selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Nigel (2008). Konsep pengantarabangsaan menurut beliau adalah berkait rapat fungsi pengajaran universiti dan transformasi yang dijalankan bagi menepati proses pembelajaran yang bersifat antarabangsa. Justeru, mengantarabangsakan pengajian tinggi negara melalui pengalaman alumni Indonesia akan dapat meneroka aspek baru pengantarabangsaan pengajian tinggi melalui hubungan alumni dan institusi pengajian tinggi.

### Hubungan Alumni Universiti Dengan Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi Melalui Konsep Hubungan Organisasi Dan Publik

Sejarah perhubungan alumni mula dikesan seawal tahun 1792 di Yale College. Kajian awal mengenai hubungan alumni dijalankan oleh Calvert (1987) mendapatkan bahawa penglibatan alumni dan alma mater di Eropah pada mula tidak aktif sehingga pada tahun 1821. Bermula tahun itu, perkembangan positif dapat dilihat apabila pertubuhan alumni mula mengumpulkan maklumat dan juga informasi mengenai alumni. Kini, menurut Weerts et.al (2010), alumni akan melibatkan diri dengan alma mater mereka apabila mereka mendapat pengalaman yang memuaskan sepanjang belajar di institusi tersebut.

Pengalaman ini yang diharapkan dapat dipupuk kepada pelajar Indonesia supaya mereka mendapat pengalaman yang memuaskan dan menggembirakan sepanjang belajar di Malaysia. Apabila pelajar ini bergelar alumni, pengalaman yang diperolehi oleh mereka dapat disampaikan kepada ahli-ahli keluarga dan juga rakan yang lain untuk meneruskan pengajian di Malaysia.

Bagi kesesuaian kajian ini, penyelidik menggunakan dua dimensi jenis hubungan organisasi-publik yang dikenal pasti oleh Hon dan Grunig (1999) iaitu hubungan komunal

dan hubungan pertukaran dan empat faktor kualiti hubungan organisasi dan publik. Keempat-empat faktor kualiti hubungan ialah kepercayaan, kepuasan, komitmen dan kawalan bersama. Konsep hubungan organisasi dan publik akan membantu penyelidik mengkaji dengan lebih mendalam keupayaan institusi pengajian tinggi negara untuk mengantarabangsakan pengajian tinggi melalui hubungan alumni. Ini adalah kerana tunjang utama dalam menarik minat pelajar untuk meneruskan pengajian adalah kemampuan sesebuah organisasi menjaga hubungan bersama pelajarnya. Perkara ini dapat disokong melalui pernyataan Grunig dan Hung (2002) yang menyatakan publik yang terlibat dengan organisasi mempunyai hubungan yang berasaskan pengalaman. Bagi Sung dan Yang pula (2009) empat kerangka asas yang dapat mempengaruhi hubungan alumni dan alma mater:

- i) Komunikasi pelajar dengan universiti
- ii) Kualiti yang diterima sepanjang pengajian
- iii) Penilaian perhubungan dengan universiti
- iv) Reputasi universiti yang memperkenalkan imej positif

Apabila empat faktor ini berjaya dipenuhi alumni akan dapat memupuk semangat mereka untuk turut sama terlibat dengan aktiviti alma mater. Kesanggupan mereka ini bergantung kepada faktor kepercayaan dan kepuasan yang diterima sepanjang proses pengajian.

### **Cabar Pendidikan Di Indonesia**

Kelangsungan pendidikan di Indonesia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Negara yang mempunyai sistem pendidikan keempat terbesar di dunia dalam usaha meluaskan akses pendidikan kepada pelajar miskin di peringkat menengah bagi meningkatkan enrolmen pada peringkat pengajian tinggi. Kekangan seperti kedudukan negara Indonesia yang terletak antara dua benua Asia dan benua Australia/Oceania telah menyebabkan penyampaian pendidikan sukar untuk disampaikan kepada semua.

Sasaran peningkatan jumlah pelajar kedoktoran tiga kali ganda menjelang tahun 2025, penubuhan kolej komuniti di setiap daerah, dan peningkatan jumlah enrolmen pelajar miskin di peringkat pengajian tinggi adalah komitmen kerajaan Indonesia dalam mengurangkan jurang *Gross Enrollment Rate* (GER) pada tahun 2014 (World Bank, 2014).

Selain itu, peningkatan kualiti pendidikan bagi menandingi negara-negara jiran dilihat satu cabaran yang perlu diatasi. Sistem pendidikan yang berhadapan dengan kekurangan tenaga pengajar, penipuan penjualan jawapan peperiksaan, dan birokrasi menjadi permasalahan utama yang dapat membantutkan perkembangan pendidikan di Indonesia (Economist, 2014).

Terkini, terdapat sehingga 385 universiti di Indonesia yang menawarkan pelbagai kursus. Namun begitu, kekangan utama dalam kemajuan pengajian tinggi Indonesia adalah disebabkan oleh birokrasi. Setiap pembaharuan yang dilakukan perlulah berlandaskan kepada peraturan universiti. Perkara ini telah menghalang kemajuan-kemajuan terhadap pendidikan yang ingin dilakukan.

## KAEDAH KAJIAN

Kertas ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai peranan alumni dalam mempromosikan pengajian tinggi negara. Bagi menjawab tujuan dan permasalahan kajian, data kajian ini menggunakan temu bual mendalam bagi mendapatkan maklumat daripada informan. Dua informan dilabel I1 dan I2 adalah terdiri alumni Indonesia yang terdiri daripada ahli yang aktif dan kurang aktif di dalam Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Perbezaan ini akan menampakkan sisi pandangan berbeza mengenai hubungan yang terjalin antara universiti dan alumni kerana kedua informan berhadapan dengan cabaran dan bebanan tugas yang tersendiri.

Setiap informan ditanya dengan beberapa soalan yang akan dianalisis untuk memperoleh informasi mengenai hubungan alumni-universiti dengan pengantarabangsaan berdasarkan kepada model menilai hubungan organisasi dan publik secara kualitatif oleh Grunig (2002). Data yang diperolehi dibahagikan berpandukan kepada tema-tema model Hon dan Grunig (1999) bagi memudahkan penyelidik menjawab persoalan kajian. Penguraian data temu bual mendalam juga mengikut kaedah yang diperkenalkan oleh Strauss (1987), yang melibatkan tiga proses iaitu, mengekod (*Open Coding*), mengekod secara axial (*Axial Coding*) dan mengekod secara terpilih (*Selective Coding*).

## PERBINCANGAN

Empat dimensi utama konsep hubungan organisasi- publik Hon & Grunig (1999) iaitu kepuasan, kepercayaan, komitmen, dan kawalan bersama diteliti bersama dengan dua dimensi jenis iaitu hubungan pertukaran, dan hubungan komunal. Manakala, konstruk kepada tema soalan dibina mengikut kesesuaian kajian:

### K1: Kepercayaan

- Faktor pemilihan institusi pengajian tinggi Malaysia adalah berdasarkan kepada kemampuan negara dan institusi menyediakan infrastruktur yang bagus, lokasi strategik, ranking universiti, kepakaran tenaga pengajar dan sistem pengurusan yang baik.

### K2: Kepuasan

- Jangkaan alumni setelah menyambung kembali pengajian di institut pengajian tinggi tercapai seperti yang diharapkan. Kemudahan yang disediakan oleh pihak institusi pengajian membantu memudahkan urusan pengajian.

### K3: Kawalan Bersama

- Institusi bertanggungjawab untuk membantu pelajar yang menghadapi permasalahan
- Alumni tidak berasa terikat dengan bantuan yang diberikan oleh institusi pengajian terhadap mereka.

### K4: Komitmen

- Alumni bersedia untuk bersama-sama memberikan bantuan kepada universiti tanpa mengharapkan balasan.

- Pelajar juga bersedia untuk membantu mempromosikan institusi pengajian tinggi kepada kenalan di negara asal mereka.

#### K5: Hubungan Komunal

- Alumni merasakan universiti yang bertindak sebagai organisasi menjaga kebaikan mereka semasa belajar.
- Alumni menerima bantuan yang diberikan oleh universiti apabila mereka menghadapi masalah.

#### K6: Hubungan Pertukaran

- Alumni membalaikembali jasa universiti kerana keterikatan dengan bantuan yang pernah diberikan oleh universiti terlebih dahulu.

### Kepercayaan

Informan I1 berpendapat infrastruktur yang bagus di Malaysia menjadikan ia antara faktor pemilihan negara ini sebagai destinasi pengajian. Kemudahan asas yang disediakan di Malaysia membuatkan pelajar akan berasa selesa untuk belajar di Malaysia. Hal ini adalah kerana sistem pengurusan yang baik daripada pihak berkuasa membolehkan kemudahan yang disediakan memudahkan mereka. Informan I1 yang merupakan Presiden Persatuan Pelajar Indonesia, UKM jelas mengatakan kerajaan Malaysia menyediakan kemudahan infrastruktur yang terbaik bagi semua demi menjamin keselesaan dan kemudahan semua;

“Malaysia bagi saya, pertama yang kita inginkan adalah infrastruktur, kemudian management. Infrastruktur di Malaysia sudah tersedia, pastinya government selalu *support* setiap atau semua *education activities*.”

Latar belakang informan yang sebelum ini pernah bekerja dan belajar di Indonesia juga yakin dengan pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dari tahun ke tahun untuk terus membangunkan sistem pendidikan tinggi Malaysia. Faktor ini jugalah menjadi pemangkin kepada beliau untuk terus menyambung pengajian di Malaysia.

Informan I2 yang juga merupakan ahli jawatankuasa Persatuan Pelajar Indonesia, menyatakan kedudukan universiti juga menjadi antara faktor penting dalam pemilihan universiti sebelum pelajar mendaftarkan diri ke sesebuah universiti;

“Kerana saya lihat kawan-kawan saya kata UKM ni bagus. Pensyarahnya bagus, dan *ranking* universitinya bagus. Jadi saya daftar balik dekat UKM, dan alhamdulillah diterima master juga di UKM.”

Prestasi universiti menjadi satu instrumen penting bagi agenda organisasi untuk merangka perjalanan universiti tersebut. Kedudukan sesebuah universiti digunakan oleh kerajaan dan institusi pengajian tinggi sebagai penanda aras dalam pendidikan tinggi. Meningkatkan kedudukan universiti menjadi matlamat strategik kepada pentadbiran universiti. Universiti berkelas dunia akan menjadi pilihan kepada pelajar untuk mendapatkan pengajian di institut berkenaan kerana ia secara tidak langsung menggambarkan kejayaan universiti, tenaga pengajar dan juga persekitaran sesebuah universiti.

Pentingnya universiti meningkatkan profil antarabangsa adalah untuk mengembangkan lagi jenama universiti kepada persada global supaya dikenali dan menjangkau lebih ramai pelajar. Pelonjakan untuk mengukuhkan kedudukan universiti juga dilakukan dengan kuasa autonomi yang diberikan kepada universiti. Era ini, universiti mampu dilihat sebagai sebuah ‘syarikat’ yang mempunyai kuasa untuk merangsang ekonomi negara. Oleh yang demikian, kedudukan universiti dapat dirujuk oleh pelajar luar sebagai ‘petunjuk kualiti’ kepada produk yang terhasil iaitu kejayaan alumni terdahulu. Seperti yang diperkatakan Margison (2007) melalui kajiannya, kedudukan universiti dalam erti kata lain ia mencerminkan prestij dan kuasa universiti.

Walaupun percanggahan pendapat mengenai kepentingan universiti masih diperdebatkan, namun tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan universiti adalah penting sebagai salah satu rujukan pelajar luar. Manakala, aktiviti pembelajaran dan pengajaran juga boleh dilihat sebagai penyumbang kepercayaan pelajar dalam mendapatkan ilmu pengetahuan di negara Malaysia. Informan I1, misalnya menyatakan bahawa kepakaran seorang professor dan jaringan yang kuat membuatkan beliau tertarik dengan universiti di Malaysia;

“Ada beberapa profesor, di UKM mempunyai *high competency*, ertinya tidak semua, saya tidak mengatakan yang ada professor yang ada *high competency* hingga dia kenal di Indonesia. Dia punya *link* kuat. Bukan setakat *level* saya sebagai pensyarah, tidak, tapi *level* sampai menteri. Sampai macam tu.”

Ia juga dikongsi bersama dengan informan I2;

“Pensyarahnya bagus, dan *ranking* universitinya bagus. Jadi saya daftar balik dekat UKM, dan Alhamdulillah diterima master juga di UKM. Kursus psikologi pendidikan.”

Hal ini menggambarkan bahawa kepakaran pensyarah dalam bidang tertentu menyebabkan pelajar lebih tertarik untuk mengikut mereka bagi mendalami sesuatu bidang tanpa menghiraukan kedudukan lokasi pensyarah tersebut. Selain itu, pengalaman rakan-rakan semasa belajar juga meninggalkan pengaruh kepada bakal pelajar untuk turut sama menyambung pengajian di tempat yang sama. Pengalaman yang positif dapat menggalakkan lagi keinginan untuk pelajar menyambung pengajian. Informan I2 mengakui layanan penyelia terhadap pelajar sesuatu yang penting kerana dapat membantu kelancaran penulisan tesis;

“Penyelia saya sangat-sangat baik. Ketika saya *sms*, *Whatsapp*, telefon selalu dibalas, dan langsung jumpa, dan langsung check saya punya tesis, tak tunggu.”

## Kepuasan

Dimensi seterusnya adalah kepuasan alumni sepanjang mendapatkan pengajian di Malaysia. Informan merasakan beberapa perkara boleh ditambah baik untuk memantapkan lagi kepuasan pelajar antarabangsa untuk belajar di Malaysia, informan I1 berpendapat bahawa penambahbaikan dalam perkhidmatan sumber manusia organisasi universiti perlu dipertingkatkan lagi. Beliau juga mengakui dan memahami bahawa keadaan ini berlaku kerana terdapat tekanan daripada persekitaran organisasi itu sendiri.

“Kita memang berpuas hati tapi untuk bagi *recommendation* kepada orang, saya akan lihat dulu, apakah ada, bantuan-bantuan, apakah ada kemudahan, support untuk melakukan, belajar di sini.. Itu ertinya. Saya tidak berpuas hati segala *whole* nya. Tapi ada berpuas hati. Ada..”

Berbeza pula dengan informan I2, kelonggaran yang diberikan oleh pihak universiti kepada beliau untuk bekerja membuatkan beliau berpuas hati. Sebagai seorang pelajar luar, kekangan kewangan membuatkan beliau terpaksa mencari wang lebih bagi menampung kehidupan di Malaysia. Cabaran seperti ini menjadikan informan I2 seorang pekerja separuh masa di salah sebuah restoran berdekatan.

“Tapi di posisi saya sekarang, tapi di sini saya boleh bekerja sambil kuliah. Di Indonesia, universitinya bagus-bagus cuma, saya tidak boleh cari kerja yang boleh seimbangkan kerja dan belajar. Di sini saya boleh kerja dan belajar. Itu salah satu saya pilih Malaysia.”

### Kawalan Bersama

Bagi dimensi kawalan bersama, informan I1 mendedahkan institusi masih kurang memberikan bantuan kepada persatuan pelajar Indonesia. Dengan adanya persatuan pelajar Indonesia, mereka boleh berkumpul dan menjalankan aktiviti bersama. Antara aktiviti yang pernah dijalankan bersama adalah program jelajah ke sekolah-sekolah di Indonesia bagi mempromosikan institusi pengajian mereka. Mereka mengharapkan adanya bantuan dari pihak universiti untuk melancarkan lagi aktiviti gerakan persatuan tersebut. Informan I1 sebagai Presiden Persatuan Pelajar ketika itu meluahkan kekangan yang dihadapi untuk menjalankan aktiviti.

“Saya ada kegiatan, ada aktiviti, aktiviti ini memerlukan surat kelulusan, tapi surat itu panjang mahu lulusnya, tapi kegiatan itu, ada satu bulan lagi. Kalau *procedure* nya panjang, mereka tidak akan boleh bergerak, yang selalu dihadapi itulah masalah itu. Kekangan itu. Jadi kita bagaimana mahu bergerak. Aktiviti mana mahu bergerak, ada surat kelulusan. Surat kelulusan lama baru diluluskan. Untuk mendapat wang sebagai *supporting financial*, untuk bergerak.”

Walaupun begitu, beliau juga menekankan akan tetap mempromosikan pengajian tinggi Malaysia kerana produk yang dihasilkan dari institusi adalah datangnya daripada pelajar itu sendiri.

Bagi informan I2 pula, beliau menerima bantuan kewangan daripada universiti membuatkan beliau akan cuba untuk terus membantu universiti.

“Kalau soal itu, adalah.. Untuk *continuation*. Saya akan memberikan yang terbaik untuk pelajaran saya. Untuk menyumbang kepada universiti, lebih mengharumkan nama universiti. Saya akan cuba bantu mana yang terbaik untuk universiti.”

Hasil kajian yang dijalankan oleh Newman dan Petrosko (2011) mendapati perlunya pengekalan hubungan berterusan antara alumni dan institusi pengajian. Komunikasi antara

kedua pihak dapat meningkatkan lagi suara alumni bagi mewakili bekas pelajar institusi. Pandangan bekas pelajar ini mampu membantu institusi pengajian untuk membaik pulih dan menaik taraf perkhidmatan universiti, di samping dapat mengekalkan tradisi dan sejarah perhubungan yang terjalin.

### **Komitmen**

Informan juga meluahkan kesediaan mereka untuk mempromosikan dan menyebarkan kelebihan-kelebihan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Perkara ini tercapai kerana pengalaman mereka semasa belajar memuaskan hati mereka. Bagi informan I1, promosi dan penyampaian maklumat kepada rakan-rakan atau keluarga disampaikan melalui kejayaan yang diperoleh oleh pelajar. Manakala, informan I2 menyatakan komitmen beliau terhadap penyebaran informasi mengenai pendidikan di Malaysia lebih memudahkan bakal pelajar kerana jumlah pelajar sedia ada Indonesia yang ramai di Malaysia.

“Kenapa saya ajak di UKM ni? Kerana universiti ni bagus, universiti peringkat Malaysia pun dapat nombor , di dunia pun, kalau tak silap saya ada nombor. Saya ajak adik-adik kelas saya sambung dekat Malaysia sebab pelajar Indonesia pun banyak kat sini, tak susah nak dapatkan bagaimana prosesnya itu macam mana..”

### **Hubungan Komunal Dan Hubungan Pertukaran**

Hasil temubual yang dijalankan, kedua informan memberikan pandangan yang berbeza terhadap kualiti perhubungan yang terbina antara mereka dan juga universiti. Namun, jenis hubungan komunal dapat dilihat melalui maklum balas yang diberikan oleh alumni mengenai keterikatan mereka untuk membala kembali jasa universiti. Hubungan jenis komunal dapat dilihat kerana mereka sanggup untuk membala kembali jasa universiti tanpa mengharapkan kembali sebarang faedah.

Pengalaman yang menyenangkan mereka sepanjang belajar membuatkan hubungan pertukaran dikaburi kerana pertolongan yang diberikan oleh organisasi seperti universiti merupakan sebahagian daripada tanggungjawab universiti untuk menjaga kebajikan pelajar. Justeru, apa yang diberikan kembali oleh alumni kepada universiti adalah kerana mereka merasakan prihatin terhadap pembangunan universiti. Perkara ini bukanlah disebabkan oleh keterikatan terhadap bantuan yang diterima oleh universiti. Keperluan untuk menaikkan nama universiti dan membala kembali jasa universiti dirasakan perlu kerana bantuan yang pernah diterima melahirkan pengalaman positif dan melancarkan pengajian mereka. Skala pengukuran kualitatif hubungan organisasi dan publik Grunig (2002) membantu penyelidik untuk mendapatkan informan meluahkan pandangan mereka secara lebih mendalam mengenai perhubungan yang terjalin antara alumni dan alma mater. Informan dapat melontarkan pendapat mereka secara tersendiri dan penyelidik mengupas pandangan tersebut ke dalam dimensi kualiti dan jenis hubungan yang dikenal pasti.

Bagi informan informan I1, melalui pendapat beliau, beliau merasakan jasa universiti sudah terbalas apabila alumni itu mampu melahirkan satu produk yang dapat digunakan oleh universiti dan bakal-bakal pelajar lain. Sebagai contoh, salah satu cara seorang alumni

membalas balik jasa universiti adalah melalui penerbitan artikel jurnal di mana ia dapat menaikkan nama sesebuah universiti.

“Saya ingin katakan beginilah, semua hasil tulisan, hasil karya apa yang dibuat oleh student di UKM ini, ertinya dengan balas jasa. Saya buat idea, saya menginginkan tulisan, paper yang ada di.. *student* buat, saya tunjukkan di Indonesia, inilah.. hasilnya yang telah dicapai dari UKM. Itulah balas hasilnya kepada orang.”

Namun, beliau juga menjelaskan universiti perlu meningkatkan aktiviti pelajar bagi memperkasakan kemampuan pelajar. Beliau menyatakan,

“Saya belum lihat itu, saya membandingkan.. Kebetulan saya pergi ke UIA. Mereka melakukan aktiviti untuk *studentnya*, mereka melakukan aktiviti akademik, kegiatan itu dapat meng-exposekan kan mereka. Secara automatik itu memperkenalkan mereka terhadap khalayak orang-orang umum. Saya hanya berharap UKM seperti itu, ertinya kita membuat aktiviti itu, sangat berkemampuan, memberi kesan kepada UKM. Saya rasa seperti itu lah. Aktiviti *studentnya* harus ditingkatkan. Universiti harus jaga hubungan tidak hanya pelajar luar, tapi pelajar dalam pun dijaga.”

Bagi informan I2, beliau merasakan universiti telah banyak memberikan bantuan kepada beliau sepanjang bergelar pelajar. Bantuan kewangan yang diterima daripada universiti membuatkan beliau akan terus membantu universiti bagi menaikkan nama universiti.

“Saya akan memberikan yang terbaik untuk pelajaran saya. Untuk menyumbang kepada universiti, lebih mengharumkan nama universiti. Saya akan cuba bantu mana yang terbaik untuk universiti.” Bantuan kewangan yang diterima oleh informan I2 melancarkan pengajian beliau tanpa menghadapi permasalahan lain di universiti.

Walaupun kedua informan memberikan pandangan yang berbeza mengenai kualiti perhubungan yang terjalin namun, jenis perhubungan yang dapat dinilai adalah sama.

Bantuan dan sumbangan yang diterima oleh mereka melahirkan pengalaman yang berbeza. Perspektif dan pandangan kedua pihak juga didorong oleh keterlibatan mereka sepanjang pengajian. Informan I1 yang memegang jawatan tinggi di dalam persatuan pelajar membuatkan beliau menghadapi tekanan yang tinggi apabila lebih banyak berurusan dengan pengurusan tertinggi universiti, berbanding informan I2 yang hanya memegang jawatan biasa di dalam persatuan dan hanya melakukan tugas-tugas yang diberikan. Chang et.al (2011) di dalam kajian mereka ‘Hubungkait antara kemahiran insaniah Prasiswazah dengan dimensi hubungan organisasi-republik’ menyatakan universiti perlu mengambil peluang untuk membina reputasi yang menunjukkan keprihatinan terhadap hubungan komunal. Dapatkan kajian seperti ini akan dapat menjadi pengukur kepada universiti untuk terus menjaga kebijakan pelajar dan meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi melahirkan pengalaman yang positif.

## PERBINCANGAN

Artikel ini telah menerokai pengalaman alumni Indonesia sepanjang pengajian mereka di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Teras utama artikel ini adalah kepentingan pengalaman alumni kepada pengajian tinggi negara. Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan, perspektif positif di dapat apabila pelajar berpuas hati dengan infrastruktur di institusi pengajian. Hal ini hampir menyerupai seperti yang diperkatakan oleh Ouwersloot, (2008) bahawa faktor saiz sesebuah institusi dapat mempengaruhi pengalaman pelajar. Tambahan lagi, faktor ini menunjukkan kepada kualiti yang mampu diberikan oleh institusi untuk menaikkan semangat pelajar dan membina hubungan sihat bersama pelajar.

Oleh itu, penyediaan infrastruktur yang bagus menjadikan pelajar kurang untuk membandingkan institusi pengajian mereka dengan institusi lain sama ada di negara sendiri ataupun di negara mereka belajar. Bersesuaian dengan dimensi kepuasan Hon & Grunig (2002), kepuasan ini dapat dilihat apabila kedua belah pihak berasa selesa kerana telah mencapai jangkaan positif seperti yang diharapkan. Kepuasan alumni adalah apabila mereka berasa selesa belajar di Malaysia yang mempunyai infrastruktur yang bagus dan tenaga pengajar yang pakar. Kemudahan-kemudahan yang disediakan dapat membantu mereka mengadaptasi keadaan di negara Malaysia.

Namun, daripada temu bual ini juga, dapat di rungkai permasalahan yang timbul antara alumni dan institusi. Alumni merasakan semasa mereka bergelar pelajar, mereka sukar untuk mendapatkan bantuan daripada institusi bagi menjalankan program. Mereka juga terpaksa berhadapan dengan masalah birokrasi untuk mendapat kelulusan sesuatu program. Walaupun begitu, dari segi pembelajaran, alumni berpendapat bahawa bantuan yang diberikan oleh penyelia mereka adalah amat memuaskan. Setiap permasalahan dapat diselesaikan dengan baik dan lancar.

Alumni juga menyatakan kesediaan mereka untuk membantu mempromosikan institusi pengajian tinggi Malaysia. Alumni juga mengatakan mereka juga bangga untuk menonjolkan hasil universiti kepada orang luar. Pencapaian yang ditunjukkan akan dapat menarik lebih ramai pelajar luar untuk datang belajar ke Malaysia. Masa depan pengajian tinggi negara sedikit sebanyak terkesan daripada perhubungan alumni luar negara yang terjalin semasa mereka mendapatkan pengajian di Malaysia. Pengalaman yang positif dapat mendorong mereka untuk menjadi duta kepada pendidikan tinggi negara tanpa perlu diminta.

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian ini dapat mengenal pasti beberapa permasalahan dan kelebihan yang ditempuh oleh alumni Indonesia semasa belajar di Malaysia. Antara dimensi yang boleh dititik beratkan oleh institusi bagi penambahbaikan adalah dimensi kawalan bersama. Alumni pada ketika itu menghadapikekangan untuk menjalankan aktiviti persatuan. Untuk itu, institusi perlu melihat kembali prosedur kelulusan aktiviti persatuan bagi memberikan pelajar melakukan aktiviti bersama rakan-rakan tanpa birokrasi. Alumni mampu membantu melonjakkan institusi pengajian tinggi kepada komuniti dan juga pembangunan institusi itu tersebut. Institusi pada masa hadapan perlu merangka dengan lebih strategik peranan alumni yang boleh diguna pakai untuk bersama-sama meningkatkan institusi.

Untuk menjadi sebuah negara yang berasaskan kepada pengetahuan, peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa mampu menaikkan nama Malaysia sebagai salah sebuah

negara pesaing terkuat dalam pasaran antarabangsa. Ikrar Malaysia yang mahu menjadi sebuah hab pengajian tinggi mampu untuk menarik pesaing lain secara kritikal untuk meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi dalam mengantarabangsakan pengajian tinggi.

Limitasi kajian ini juga telah dikenal pasti. Antaranya adalah kajian ini terhad dijalankan kepada alumni Indonesia yang berada di Malaysia dan mendapatkan pengajian lanjut di Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh itu, ia tidak mewakili alumni Indonesia lain yang berada di universiti lain. Pandangan yang berbeza mungkin dapat diperolehi daripada alumni yang sedang mendapatkan pengajian di universiti lain. Tambahan lagi, kajian seterusnya mungkin dapat dijalankan kepada alumni di negara-negara ASEAN yang lain seperti Thailand, Indonesia dan Cambodia memandangkan jumlah enrolmen dari negara tersebut adalah tinggi berbanding negara lain. Namun begitu, menggunakan konsep hubungan organisasi-publik dalam konteks perhubungan alumni dan alma mater, kajian rintis ini boleh dijadikan pemacu kepada universiti untuk memperbaiki dan mengeratkan perhubungan alumni yang terjalin agar kedua-dua belah pihak mendapat pengalaman yang positif tanpa mengharapkan ganjaran atau manfaat di masa hadapan.

## RUJUKAN

- Bolsmann, C. & Miller, H. 2008. International Student Recruitment to Universities in England: Discourse, Rationales and Globalisation. *Journal of Research in International Education* 10(2)
- Chang, P. K., Ahmad, F., Ibrahim, F. (2011). Hubungkait antara Kemahiran Insaniah Prasiswazah dengan Dimensi Hubungan Organisasi-publik. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 14.
- Economist, T. (2014). "School's In." Indonesia's schools are lousy. The new administration wants to fix them Dec 13th 2014. Retrieved 28 May 2014, 2015, from <http://www.economist.com/news/asia/21636098-indonesias-schools-are-lousy-new-administration-wants-fix-them-schools>.
- Grunig, J. E. (2002) Qualitative Methods for Assessing Relationships Between Organizations and Publics. 1-7
- Hon, L. C., & Grunig, J. E. (1999). Guidelines for Measuring Relationships in Public Relations. Gainesville, Florida: The Institute for Public Relations, Commission on PR Measurement and Evaluation
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2011. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2: Jangkauan Global Malaysia*. Putrajaya: P&Y Media Sdn Bhd.
- Knight, J. 1999. Internationalization of higher education. Di dalam J. Knight, & H. de Wit (Eds.), Quality and internationalization in higher education, Paris: OECD: pp. 13-23.

- Knight, J. 2006. Higher Education Crossing Borders: A Guide to the Implications of the General Agreement on Trade in Services (GATS) for Cross-border Education. Vancouver, BC: Commonwealth of Learning.
- Healey, Nigel M. (2008). Is Higher Education in really 'internationalising'? *Higher Education*, 55(3).
- Ouwersloot, H. (2008). Who's who in brand communities—And why? European Journal of Marketing, 42(5/6), 571–585.
- Petrosko, Melissa D. Newman & Joseph M. (2011). Predictors of Alumni Association Membership. *Research Higher Education*, 52, 22.
- Svensson, L. & Whilborg, M. 2010. Internationalising the Content of Higher Education: The Need for a Curriculum Perspective. *Journal of Higher Education* 60: (595 – 613)
- World Bank. (2014). Indonesia's Higher Education System: How Responsive Is It to the Labor Market?, Jakarta: pp. 1-13
- Yang, Minjung Sung & Sung-Un. (2009). Student-University Relationships and Reputation: A Study of the Links between Key Factors Fostering Students' Supportive Behavioral Intentions towards Their UniversityAuthor. *Higher Education*, 57(6), 26.

## BIODATA

Nur Amalina Mohd Rashid  
Pusat Pengajian Media dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKMBangi, Selangor. Malaysia.  
E-mail: amalinarashid@gmail.com

Chang Peng Kee (Prof. Madya Dr.)  
Pusat Pengajian Media dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKMBangi, Selangor. Malaysia.  
E-mail: [chang@ukm.my](mailto:chang@ukm.my).

Sabariah Mohamed Salleh (Dr.)  
Pusat Pengajian Media dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKMBangi, Selangor. Malaysia.  
E-mail: [sabariah@ukm.edu.my](mailto:sabariah@ukm.edu.my)